

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



● Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, (kiri) berjabat tangan dengan Setiausaha Agung Bangsa-Bang-

sa Bersatu, Encik Perez de Cuellar semasa kedua pemimpin itu bertemu di Bangsa-Bangsa Bersatu semalam.

# PM bidas Barat peralatan ekonomi

NEW YORK, Rabu - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, membidas kuasa-kuasa besar, termasuk Amerika Syarikat yang masih menguasai politik bekas tanah jajahan mereka melalui pakatan-pakatan ekonomi.

Keadaan ini, katanya, menyebabkan negara-negara yang baru merdeka tidak menikmati kemerdekaan yang sebenarnya.

"Disebabkan mereka terlalu maju dan berkuasa, negara-negara yang baru tidak boleh mengadakan hubungan yang sama rata dengan mereka.

Negara-negara Eropah pula melalui pakatan menggunakan kuasa ekonomi meneruskan kekuasaan politik ke atas negara-negara baru.

"Amerika Syarikat juga tergolong dalam kumpulan ini; menolong mengukuhkan penguasaan negara-negara Eropah ke atas bekas tanah jajahannya," tegas Perdana Menteri ketika berucap kepada ahli-ahli profesional terdiri dari ahli-ahli politik, usahawan, perniagaan dan perdagangan dan eksekutif-eksekutif bank Amerika Syarikat dalam satu majlis makan tengahari anjuran bersa-

ma Persatuan Asia dan Majlis Hubungan Luar, di sini hari ini.

Dalam ucapannya bertajuk "Pendekatan Serantau ke arah Kestabilan" Datuk Seri Dr. Mahathir juga menekankan kritikan kuasa-kuasa besar terhadap ASEAN sebagai pakatan ekonomi yang gagal sedangkan matlamat itu bukan objektif utama ia ditubuhkan.

Beliau menjelaskan kejayaan terbesar ASEAN ialah melalui pertukaran pengalaman dan pengetahuan pentadbiran antara kelima-lima negara yang secara langsung membantu ke arah kestabilan dan perkembangan ekonomi ASEAN.

Kuasa besar, katanya, masih menganggap ASEAN sebagai tidak berjaya kerana gagal mewujudkan satu pasaran bersama seperti EEC.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kejayaan satu-satu pakatan bukan sahaja terletak kepada konsep kerjasama kejurangan tetapi lebih bergantung kepada keinginan untuk mengetahui dan memahami antara satu sama lain, menerima kekurangan-kekurangan serta bekerja menurut kemampuan.

No.  
No